

Praktis
13

Kata Majmuk Bebas dan Kata Majmuk Mantap

Buku Teks: M.S. 93, 94, 163, 164

i-THINK


Kata Majmuk

Kata Majmuk Bebas


Contoh: alat tulis, jalan raya, jam tangan, lalu lintas, tengah hari, Perdana Menteri, Ketua Menteri, Raja Muda, Duta Besar, Naib Canselor

Kata Majmuk Mantap

Contoh: antarabangsa, beritahu, setiausaha, sukarela, bumiputera, suruhanjaya, jawatankuasa, tandatangan, kakitangan, tanggungjawab, kerjasama, warganegara, olahraga, pesuruhjaya, matahari



Godis yang cantik itu rupanya anak ketua menteri.



Alat tulis Natasha ada di atas meja.


- Kata majmuk ialah dua atau lebih daripada kata dasar yang digabungkan untuk membentuk satu kata baharu yang padu dan sehati maknanya.
- Kata majmuk ada yang dieja tercantum dan ada yang dieja terpisah.

✓ Sistem Bahasa: Bahagian A

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Lelaki itu dimasukkan ke _____ kerana mengalami serangan jantung.
A rumah sakit
B rumah rehat
C rumah pangsa
D rumah panjang

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah ini.



2. Siva menggunakan _____ ketika melalui jalan yang gelap itu.
A lampu isyarat C lampu tidur
B lampu suluh D lampu jalan

3. Nana dan Wani menyertai acara _____ yang dianjurkan sekolah mereka.
A olahraga C suruhanjaya
B sukarela D antarabangsa

4. Pelbagai jenis _____ cetak rompak dirampas dalam serbuan itu.
A jalan raya C jam tangan
B bom tangan D cakera padat

5. Produk makanan kucing yang terkenal itu dihasilkan oleh sebuah syarikat _____.
A kerjasama C kakitangan
B setiausaha D bumiputera

6. _____ yang dihidangkan pada majlis itu dimasak oleh Chef Zarul.
A Air kopi C Nasi minyak
B Susu pekat D Biskut kering

B. Pilih ayat yang betul.

1. I Kereta lembu merupakan pengangkutan utama pada zaman dahulu.
 II Penduduk tidak menyedari bahawa air sungai di kawasan itu semakin tercemar.
 III Barang-barang yang dijual di lebuhraya baharu itu tersusun kemas.
 IV Adik membuka peti besi lalu mengambil semangkuk ais krim coklat.
 A I dan II C I dan IV
 B II dan III D III dan IV

2. I Pihak polis meminta tanggungjawab daripada orang ramai untuk membanteras jenayah.
 II Beliau menurunkan tandatangannya pada borang itu.
 III Ziana memindahkan pokok bunga itu supaya mendapat cahaya matahari.
 IV Fuzi menjalankan sukarela sebagai anak sulung dengan baiknya.
 A I dan II C I dan IV
 B II dan III D III dan IV

✓ Sistem Bahasa: Bahagian B

A. Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.

setiausaha kerusi roda kaca mata dukacita baju kurung

- (i) Sudah lima tahun datuk menggunakan _____ akibat lumpuh separuh badan.
 (ii) Kak Shila menerima tawaran sebagai _____ di sebuah syarikat korporat.
 (iii) Khatijah kelihatan manis sekali apabila dia memakai _____ songket itu.
 (iv) Kami curiga dengan kehadiran lelaki yang memakai _____ hitam itu.
 (v) Naura menerima khabar yang disampaikan oleh ibunya dengan perasaan yang _____.

B. Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

(i) Suasana di _____ itu sesak dengan kenderaan yang lalu-lalang.		sapu tangan
(ii) Thilaga menerima hadiah sehelai _____ daripada rakan baiknya.		meja makan
(iii) Abang sering pulang pada waktu _____ kerana bekerja syif malam.		pusat bandar
(iv) Ayah membeli _____ baharu yang lebih lebar dan panjang.		dinihari